

Selesai tuntutan MA63 menerusi perbincangan bukan 'berperang'

Kerajaan komited runding selesaikan isu secara menyeluruh

Kota Kinabalu: Penyelesaian tuntutan oleh Sarawak dan Sabah dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) perlu dilaksanakan melalui perbincangan dan rundingan yang rasional, bukannya secara konfrontasi, 'berperang' atau perselisihan, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan MADANI yang diketuaiinya komited menyelesaikan tuntutan itu secara menyeluruh, antaranya melalui perbincangan dan rundingan dalam Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Pelaksanaan MA63 yang sedang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

"Sekarang pun kita sedang berbincang. Datuk Seri Fadillah mengetuai jawatankuasa teknikal. Kita adakan mesyuarat untuk bincang bersama. Jika setuju, kita laksanakan. Jika tidak, bincang semula dan undi lagi.

"Inilah cara kita bekerjasama, bukan untuk 'berperang'," katanya ketika berucap pada Program Rancakkan MADANI di sini semalam. Turut hadir Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Dalam ucapannya, ketika menyentuh mengenai tuntutan pemulangan hasil 40 peratus kepada Sabah, Perdana Menteri menggesa semua pihak supaya mendalami dan memahami perkara terbabit terlebih dahulu.

"Saya tadi (melawat Tamu) Jalan Gaya, dengar jeritan tentang



Anwar Ibrahim beramah mesra dengan pengunjung di Tamu Jalan Gaya, Kota Kinabalu, semalam.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

hasil 40 peratus Sabah. Dengarlah dulu, fahami dulu. Memang terkandung dalam MA63, tetapi tiga tahun lalu (sejak Kerajaan MADANI mentadbir), kita sudah membincangkannya," katanya.

Pada 23 Oktober lalu, Fadillah menyatakan 13 daripada 29 tuntutan MA63 sudah dikategorikan sebagai selesai.

Menjelas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM17 bilion setahun kepada Sabah, termasuk peruntukan bagi pendidikan, kesihatan dan keselamatan serta pembangunan infrastruktur seperti sekolah dan klinik kesihatan.

Beliau berkata, peruntukan itu jauh melebihi daripada hasil

yang diperoleh daripada Sabah berjumlah RM10 bilion setahun.

"Kita ambil hasil RM10 bilion (tapi) kita beri kembali RM17 bilion. Sebab apa? Kerana ini hasil kerjasama di antara Persekutuan dan negeri. Kita gunakan hasil untuk membangunkan semua negeri di Malaysia. Sabah sedikit ketinggalan, jadi kita bantu lebih.

"Kelantan, Perlis, walaupun ditadbir pembangkang, kita tetap bantu. Selesaikan masalah banjir setiap tahun pun kita belanjakan berbilion ringgit. Sebab tugas kita menjaga Malaysia. Anak Sabah, Kelantan, Perlis, semuanya anak Malaysia. Kita mahu semua hidup dengan baik dan bahagia," katanya.

Anwar berkata, dalam usaha membangunkan negara, Malaysia memerlukan kepimpinan yang berwibawa dan mampu menyatukan rakyat pelbagai etnik bagi terus memperkukuh perpaduan nasional.

Kesanggupan bekerjasama

Menurut beliau, kehebatan sebenar seorang pemimpin tidak bergantung kepada kekuatan untuk bertempur, sebaliknya terletak pada kesanggupan bekerjasama dan mengikat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang datang daripada pelbagai latar belakang.

"Kalau hebat seorang pemimpin Murut, Kadazan atau Dayak, ataupun Bugis atau Suluk, ke-

hebatannya terserlah melalui kesanggupan untuk bekerjasama dan memperkukuh perpaduan dalam kalangan kita," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan komitmen Kerajaan MADANI untuk terus bekerja keras bagi kepentingan rakyat, walaupun beliau bukan lagi muda seperti dahulu.

Terdahulu, ketika meninjau Tamu Jalan Gaya, Anwar sempat memberi penjelasan berhubung tanggungjawab kewangan Kerajaan Persekutuan ketika ditanya mengenai isu 40 peratus hak Sabah oleh seorang pengunjung pasar mingguan itu.

Dalam rakaman video pertemuan itu yang turut tular, pengunjung berkenaan pada awalnya bertanya mengenai bila Kerajaan Persekutuan akan menuaikan bayaran 40 peratus hasil yang dituntut Sabah seurus Perdana Menteri selesai bersalaman dengan beberapa pengunjung.

Mendengar pertanyaan itu, Anwar kemudian memberi penjelasan mengenai perkara terbabit sambil meminta supaya tidak mendengar kempen orang lain.

"Jangan dengar kempen orang, dengar saya, saya PM (Perdana Menteri). Berapa hasil kita kutip dari Sabah? Saya beritahu, RM10 bilion. Berapa kita (Kerajaan Persekutuan) bagi kepada Sabah? RM17 bilion," jelasnya.

Bagaimanapun, pengunjung terbabit kemudian menyatakan jumlah itu adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada Sabah dan tidak berkaitan dengan hak 40 peratus hasil bersih yang dituntut Sabah.

Isu tuntutan 40 peratus dijangka dijadikan bahan kempen utama Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN17) Sabah oleh parti politik di Sabah, terutama jika Jabatan Peguam Negara (AGC) merayu keputusan Mahkamah Tinggi baru-baru ini yang antara lain memutuskan hak 40 peratus itu perlu dibayar kepada Sabah.